

12 SEP 2003

MAHATHIR-FELDA/I

KERAJAAN TERUS KAWAL FELDA WALAUPUN SELEPAS KE BSKL

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan terus mengekalkan kawalan ke atas Felda walaupun selepas ia disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Aset yang akan disenaraikan adalah aset yang belum dijual kepada peneroka Felda, katanya kepada pemberita selepas membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat hari ini.

"Terdapat dua jenis (estet di Felda), satu yang telah dijual kepada peneroka dan ada estet yang tiada peneroka, dan yang dimajukan dan dimiliki sepenuhnya oleh Felda. Inilah estet yang handak kita komersialkan," beliau menjelaskan.

Ketika mengumumkan rancangan untuk menyenaraikan Felda di BSKL dalam Bajet 2004, Dr Mahathir yang juga menteri kewangan, berkata Felda yang merupakan sebuah syarikat perladangan terbesar berpotensi untuk diperkenalkan sebagai jenama antarabangsa dan sahamnya dijangka akan menjadi antara saham-saham mewah di BSKL.

Dengan penyenaian itu, Felda akan berupaya mendapatkan modal daripada pasaran dan tidak lagi perlu bergantung kepada kerajaan untuk sumber kewangannya.

Pada masa yang sama, kerajaan juga akan mendapat pulangan daripada penyenaian itu yang juga akan memberi faedah kepada kumpulan Felda, peneroka dan koperasi serta kerajaan negeri yang telah memberi tanah untuk dibangunkan sebagai ladang Felda.

Peneroka Felda akan mendapat peluang untuk memegang ekuiti dalam syarikat yang disenaraikan iaitu sebagai ahli dan individu.

Ditanya bilakah Felda akan disenaraikan, Dr Mahathir berkata penyenaian akan dibuat secepat mungkin. Bagaimanapun, terdapat prosedur undang-undang yang perlu dipatuhi, tambahnya.

Cadangan untuk menyenaraikan Felda di BSKL adalah selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan membolehkan bumiputera memiliki ekuiti sekurang-kurangnya 30 peratus dalam sektor korporat.

"Adalah diharapkan saham ini tidak dijual oleh Bumiputera," kata Dr Mahathir ketika membentangkan Bajet 2004. -- BERNAMA

WNZ SHY MKO JR